

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 2 TAHUN 2002**

=====

PENERIMAAN BAYARAN PREMIUM SELEPAS TEMPOH BAYARAN LUPUT

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir-Pentadbir Tanah mengenai keputusan yang dibuat oleh EXCO-MTES bagi penerimaan bayaran premium selepas tempoh bayaran luput.

2. Mesyuarat EXCO-MTES yang diadakan pada 1 Oktober 2002 telah membuat keputusan bahawa semua Pentadbir Tanah dikehendaki menerima bayaran premium bagi pembermilikan tanah atau tukar syarat walaupun tempoh bayaran premium telah luput. Jumlah premium yang hendak dijelaskan mestilah jumlah asal premium yang dikenakan dan dibuat secara sekali gus. Pentadbir Tanah juga tidak perlu mengeluarkan notis 5A atau 7G yang baru atau surat arahan secara pentadbiran kepada pemohon bagi pembayaran tersebut.
4. Arahan ini adalah **berkuatkuasa serta merta** mengikut tarikh keputusan dibuat oleh EXCO MTES.
5. Pentadbir-Pentadbir Tanah adalah diarahkan mematuhi keputusan yang telah ditetapkan.

T.T.
(Dato' Asaha @ Ishak Abong)
Pengarah Tanah Dan Galian,
Selangor.

Fail : (7)dlm.PTGS/CR 02/00/2000

Tarikh : 2 Disember 2002

*** ARAHAN INI TERBATAL DENGAN PEKELILING BIL. 3/2003**